Pada 7 April yang lalu, SMK Dato' Abu Bakar Baginda telah berjaya mengadakan Kejohanan Sukan Tahunan kali ke-9 yang berlangsung di Inspen, Putrajaya. Majlis ini telah dirasmikan oleh YDP PIBG Sepang, Tn Haji Helmy bin Arshad.  Tn. Haji Effandi Nazila bin Abdullah, YDP PIBG SMKDABB juga turut hadir.





Kejohanan ini dapat melahirkan atlit-atlit olahraga bagi mewakili sekolah untuk bertanding di peringkat daerah mahu pun yang lebih tinggi. Keputusan Kejohanan olahraga kali ini berpihak kepada rumah kuning yang menjadi johan diikuti naib johan rumah hijau, tempat ketiga adalah rumah merah dan tempat keempat adalah rumah Biru. Pihak sekolah mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua murid dan guru kerana memberikan kerjasama yang baik semasa kejohanan berlangsung. Terima kasih juga kepada ibu bapa yang sudi meluangkan masa untuk memberi sokongan memeriahkan lagi sukan kali ini.  Semoga ketemu lagi pada kejohanan sukan yang akan datang. Aummmmm!













Suasana Kejohanan Sukan Tahunan kali ke-9.